

PENGAGIHAN SKIM BANTUAN ZAKAT ASNAF FAKIR DAN MISKIN MENGIKUT KONSEP HAD AL-KIFAYAH

Emie Sylviana Binti Mohd Zahid

Pusat Pemikiran & Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA Johor, Malaysia

emies692@johor.uitm.edu.my

ABSTRAK

Skim bantuan zakat yang diagihkan kepada asnaf fakir dan miskin oleh institusi zakat di Malaysia memainkan peranan penting dalam mengeluarkan seseorang dari belenggu kemiskinan. Ini kerana dengan adanya skim bantuan zakat tersebut, segala keperluan asas (dharuriyyah) dapat dipenuhi malahan kualiti kehidupan umat Islam dapat dipertingkatkan. Ini memberi impak yang amat besar dalam pembangunan ummah terutama dalam aspek ekonomi dan sosial. Justeru pengagihan skim bantuan yang dilaksanakan perlu melihat kepada konsep had al-kifayah itu sendiri supaya kadar yang diberikan kepada asnaf fakir dan miskin dapat memenuhi kecukupan atau keperluan hidup mereka sehingga terkeluar mereka dari belenggu kemiskinan dengan mengambil kira perbezaan setempat, masa, keperluan semasa dan keadaan sosioekonomi. Penilaian ini dibuat berdasarkan kepada enam aspek utama iaitu perlindungan, makanan, pakaian, pendidikan, perubatan dan pengangkutan. Kadar keperluan antara individu adalah berbeza mengikut kategori iaitu isi rumah, lokasi dan status rumah. Dalam soal memenuhi keperluan asasi asnaf, penulisan ini telah mengupas konsep had al-kifayah (kadar kecukupan) dalam skim bantuan zakat menurut pandangan syarak dan amalannya di Malaysia. Penulisan yang berbentuk konseptual ini menjelaskan dua objektif utama iaitu memberi kefahaman umum tentang konsep had al-kifayah dan menilai sejauh mana had al-kifayah dalam skim bantuan zakat asnaf fakir dan miskin di Malaysia sekarang memenuhi kadar kecukupan mereka. Penulisan ini menggunakan metode penyelidikan kepustakaan, metode kajian lapangan melalui wawancara dan metode analisa data bagi mencapai objektif tersebut. Hasil penulisan ini mendapati bahawa had al-kifayah dalam skim bantuan zakat yang dilaksanakan perlu dilihat supaya kadar yang diberikan dapat memenuhi keperluan asas fakir dan miskin dalam jangka pendek dan jangka panjang serta bebas dari belenggu kemiskinan.

Katakunci : Skim Bantuan Zakat, Asnaf Fakir dan Miskin, Had al-Kifayah.

PENGENALAN

Kemiskinan merupakan satu fenomena yang bersifat universal yang meliputi pelbagai dimensi iaitu ekonomi, sosiobudaya, agama, pendidikan, kesihatan dan lain-lain. (Zakiah Jamaluddin, 2005) Jika difokuskan kepada dimensi ekonomi, kemiskinan merupakan satu keadaan kekurangan daripada paras keperluan asas tertentu. Ia sering dirujuk kepada kemiskinan harta benda, kekurangan pendapatan, mata wang atau modal.

Kemiskinan ini boleh dikatakan sebagai subjektif dan relatif. Ini kerana, sukar bagi kita dalam menentukan seseorang itu fakir ataupun miskin. Hal ini dapat kita lihat bahawa ada orang yang kelihatan bahagia dan nampak senang, sedangkan dia mungkin kekurangan belanja dan ada juga orang yang nampak hebat bergaya, bertali leher dan berkereta besar walhal pendapatannya benar-benar cukup makan. Oleh itu, sukar bagi kita untuk menentukan kaya atau miskin seseorang itu dengan mata kasar.

Oleh itu, konsep *had al-kifayah* dalam pengagihan zakat digunakan sebagai suatu alat mengukur kemiskinan untuk mengukur kadar kecukupan perbelanjaan, dengan membandingkan pendapatan kasar dan perbelanjaan minimum sesebuah keluarga atau individu. Keputusan yang diperolehi pula lebih spesifik dan tepat dalam menentukan taraf

seseorang pemohon zakat, sama ada kaya, miskin ataupun fakir.(http://www.e-zakat.com.my/baru/agihan/had_kifayah.asp)

KONSEP HAD AL-KIFAYAH

a. Konsep *Had Al-Kifayah* Mengikut Mazhab Muktabar

Had al-Kifayah ialah kadar asas keperluan diri dan tanggungan minima untuk menentukan kadar yang perlu diberi kepada penerima yang berhak dengan mengambil kira perbezaan setempat, masa, keperluan semasa dan keadaan sosioekonomi. Ia digunakan untuk menentukan kedudukan fakir dan miskin. Oleh itu, dengan pengagihan zakat yang diberikan kepada asnaf perlu diberi mengikut amaun kecukupan bagi seseorang inividu atau bagi sesebuah keluarga. Namun, persoalannya adakah amaun yang diberikan itu mencukupi asnaf tersebut sama ada mereka menetap di bandaraya, bandar atau di luar bandar dan adakah keperluan asas ini menjadi kayu pengukur dalam menentukan *had al-kifayah* atau bagaimana *had al-kifayah* ditentukan?

Dalam menerangkan kadar kecukupan keperluan asas tersebut, terdapat pelbagai pandangan *fuqaha* tentang perkara tersebut bagi memastikan ia benar-benar fakir atau miskin. Jika dilihat kepada tujuan asas zakat, ia bermatlamat kepada pembasmian mutlak, menghapus kesusahan dengan mencari sumber sara hidup serta merapatkan jurang pendapatan antara anggota masyarakat. Oleh itu, sistem dan konsep agihan zakat tertumpu kepada mencapai tujuan dalam membasi kemiskinan supaya golongan asnaf fakir dan miskin berubah menjadi seorang yang kaya.(Mujaini Tarimin, 2006) Nabi Muhammad s.a.w pernah menggambarkan konsep agihan zakat yang paling minimum iaitu berikhtiar memberikan keperluan seharian yang selesa.

Merujuk kepada pandangan para fuqaha, tidak terdapat kata sepakat bagi menentukan kadar agihan kepada kedua-dua asnaf fakir dan miskin. Perbezaan pendapat ini disebabkan oleh beberapa faktor iaitu tanggapan mereka terhadap takrifan batas kekayaan yang dibenarkan menerima agihan zakat, kadar *had al-kifayah* kepada fakir dan miskin, persoalan adakah asnaf fakir dan miskin yang memiliki had nisab dibenarkan menerima agihan dan lain-lain persoalan lagi.(Mujaini Tarimin, 2006)

Di bawah ini akan diterangkan pandangan setiap mazhab seperti mazhab Maliki dan Hanbali menyatakan bahawa kadar kecukupan bagi fakir dan miskin ialah dengan memberi bekalan cukup setahun (*kifayah al-sanah*). (Yusof al-Qaradawiy, 2007) Manakala bagi mazhab Shafi'i pula ialah mengharuskan kadar kecukupan fakir dan miskin ialah mencukupi seumur hidup(*kifayah al-'umur*)iaitu batas umur pada umumnya di sesebuah negeri seperti pada umumnya umur orang di negeri itu ialah 60 tahun. Jika seseorang fakir atau miskin berumur 30 tahun dan mempunyai bekalan hanya 20 tahun sahaja maka ia termasuk dalam golongan yang berhak menerima zakat atau *mustahik* kerana kekurangan bekalan selama 10 tahun.(Yusof al-Qaradawiy. 2007)

Kesimpulannya mazhab fiqh mempunyai pandangan yang berbeza dalam menentukan kadar zakat yang harus diberikan kepada fakir dan miskin. Terdapat dua pandangan pada asasnya iaitu:(Yusof al-Qaradawiy. 2007)

- i. Fakir dan miskin itu diberi zakat secukupnya dan tidak ditentukan menurut besarnya harta zakat yang diperolehi.

- ii. Fakir dan miskin itu diberi dalam jumlah tertentu dan besar kecilnya jumlah tersebut disesuaikan dengan bahagian *mustahik* yang lain.

Merujuk kepada pandangan yang pertama, terdapat dua mazhab iaitu mazhab yang mengatakan bahawa zakat itu diberikan untuk mencukupi selama hidup (*kifayah al-'umur*) dan mazhab yang membatasi pemberian zakat itu cukup untuk setahun (*kifayah al-sanah*).

i. Pemberian zakat untuk seumur hidup

Menurut mazhab Shafiqi, orang miskin diberi zakat untuk menghilangkan kemiskinannya. Maka ia harus diberikan zakat untuk memenuhi keperluan hidupnya secara berterusan sehingga ia tidak memerlukan zakat itu lagi pada masa akan datang. Begitu juga dengan pandangan Imam Nawawi, fakir dan miskin diberikan zakat sehingga mencukupi sepanjang hidupnya. Ini berdasarkan dalil yang digunakan oleh pengikut Shafiqi iaitu hadis *Qabisah bin al-Mukharik al-Hilali r.a.:*

„Aku pernah menanggung hutang (untuk mendamaikan dua qabilah yang saling bersengketa). Lalu aku datang kepada Rasulullah s.a.w. meminta bantuan kepada Baginda untuk membayarnya. Jawab Baginda : “tunggulah sampai orang datang menghantar zakat, nanti aku suruh supaya menyerahkannya kepadamu”, kemudian Baginda meneruskan sabdanya: Hai Qabisah! Sesungguhnya meminta-minta itu tidak dibolehkan kecuali untuk tiga golongan : (1) Orang yang menanggung hutang (Gharim, untuk mendamai dua orang yang bersengketa atau seumpamanya), maka orang itu boleh meminta-minta sehingga hutangnya selesai dilunaskan, apabila hutangnya telah selesai dilunaskan, maka tidak boleh lagi dia meminta-minta. (2) Orang yang ditimpak bencana, sehingga musnah harta bendanya, orang itu boleh meminta-minta sehingga memperolehi kehidupan yang layak baginya. (3) Orang yang ditimpak kemiskinan (disaksikan atau diketahui oleh tiga orang yang dipercayai bahawa dia memang miskin), orang itu boleh meminta-minta sehingga dia memperolehi sumber penghidupan yang layak. Rasulullah bersabda: Selain dari tiga golongan itu, wahai Qabisah! Haram baginya memakan hasil dari meminta-minta itu.”

(Riwayat Muslim)

Menurut pandangan Imam Nawawi, beliau mengatakan bahawa Rasulullah membolehkan perbuatan meminta-minta untuk memenuhi keperluan. Seperti seseorang yang memerlukan modal untuk menjalankan perniagaannya dengan membeli alat-alat yang diperlukan bersesuaian dengan keperluan agar usahanya diperolehi keuntungan. Bantuan yang diberikan berbeza mengikut tempat, waktu, jenis usaha dan sifat-sifat perseorangan. Contohnya, bantuan kepada tukang dagang, tukang roti atau penjual minyak wangi dan yang lain diberi mengikut keperluan yang sesuai. (Yusof al-Qaradawiy, 2007)

Sekiranya seorang itu tidak bekerja atau tidak mempunyai kemampuan dalam bekerja, mereka akan diberikan zakat yang dapat mencukupi hidup mereka sebagai pembiayaan hidup. Manakala bagi pandangan al-Ramli dalam *Syarah Minhaj* Imam Nawawi pula, beliau mengatakan bahawa fakir dan miskin yang tidak mempunyai kemampuan dalam pekerjaan atau usaha harus diberikan zakat yang dapat mencukupi sehingga batas umur seperti kebiasaan orang di negerinya. Ini kerana tujuan zakat ialah untuk memberi kecukupan. Bagi fakir dan miskin yang lewat atau melepassi batas umur yang ditentukan akan diberikan kadar kecukupan pertahun. (Shamsudin al-Ramli, t.t.)

Bentuk bantuan yang diberikan tidak semestinya wang tetapi diberikan sesuatu yang seharga dengan wang seperti diberikan rumah untuk disewa agar hasil sewaan yang Emie Sylviana Mohd Zahid. Pengagihan Skim Bantuan i

icops2010

diperolehi dapat menampung pembiayaan kehidupan mereka. Sekiranya sumber penghasilan yang diberikan masih tidak mencukupi batas ketentuan, maka boleh ditambahkan lagi bantuan zakat sehingga mencukupi. Sebagaimana pandangan al-Mawardī apabila dia memperolehi 90 dan itu tidak mencukupi kecuali 100, maka hendaklah ditambahkan lagi 10. (Shamsudin al-Ramli, t.t.)

Pendapat Imam Ahmad diriwayatkan mempunyai pendapat yang sama dengan Imam Shafī'i mengenai zakat untuk seumur hidup. Ia membolehkan orang miskin mengambil zakat untuk seluruh keperluan hidup selamanya seperti kedai, alat, pertukangan dan lain-lain.

ii. Zakat diberikan cukup untuk setahun

Mazhab Maliki dan Hanbali dan lain-lain ahli fiqh mengatakan bahawa orang fakir dan miskin diberi zakat yang dapat mencukupi dirinya dan orang-orang yang menjadi tanggungannya untuk masa setahun. Ini kerana kebiasaannya, masa setahun itu adalah batas pertengahan yang diminta seseorang sebagai jaminan hidup dirinya dan keluarganya. Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w bila seseorang dapat menyimpan untuk keperluan keluarganya selama setahun. (Shamsudin al-Ramli, t.t.)

Oleh itu, kesimpulan yang dapat disimpulkan daripada pandangan mazhab muktabar tentang tahap menentukan sesuatu asnaf samada fakir atau miskin dapat diperjelaskan seperti jadual di bawah:

	MAZHAB HANAFI	MAZHAB MALIKI	MAZHAB SHAFI'I	MAZHAB HANBALI
<i>Had al-Kifayah</i>	200 dirham dianggap sebagai kekayaan yang terendah	Keperluan sara hidup sendiri dan keluarga selama setahun. (<i>kifayah al-sanah</i>)	Tiada ketetapan kadar pemilikan harta tetapi secukupnya sepanjang hayat (<i>kifayah al-'umr</i>)	Sekurang-kurang 50 dirham atau sebarang nilai yang mencapai tahap mencukupi keperluan

Jadual 1: *Had Al-Kifayah Mengikut Mazhab*

Sumber: Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa dan Setempat Dalam Menentukan Pentafsirannya di Malaysia. Tesis Ijazah Doktor Falsafah.

b. Konsep *Had Al-Kifayah* Mengikut Ulama Kontemporari

i. Imam al-Ghazali

Memenuhi keperluan setahun, kerana ia sesuai dengan langkah Rasulullah s.a.w sendiri yang menyimpan makanan untuk setahun bagi keluarganya. Imam al-Ghazali membuat kesimpulan bahawa pembatasan sehingga kepada hanya cukup untuk dimakan sehari semalam sahaja adalah keterlaluan. Oleh sebab itu, paling sederhana dan sesuai sekali ialah kadar yang boleh memenuhi keperluan selama setahun.(al-Ghazali, t.t)

ii. Wahbah al-Zuhayli

Keperluan ialah kemudahan yang diperlukan oleh manusia untuk kehidupan mereka dan menghindarkan dari kepayaan hidup. Ketiadaan keperluan akan menyebabkan hidup mereka ditimpa kesusahan dan kesulitan.(Wahbah al-Zuhayli, t.t)

iii. Yusuf al-Qaradawi

Taraf hidup seseorang itu tidak boleh ditentukan secara rigid kerana ia tentu sekali berbeza mengikut perbezaan zaman, keadaan serta juga nisbahkekayaan Negara serta per kapita pendapatan masyarakat. Ini kerana terdapat suatu ketika ia dianggap barang mewah dan mungkin juga suatu ketika atau keadaan ia dianggap keperluan atau keperluan asas.(al-Qaradawi, 2007)

c. Konsep *Had Al-Kifayah* Mengikut Konteks Di Malaysia

Konsep *had al-kifayah* bagi negeri-negeri di Malaysia adalah sama kecuali dari segi ketetapan *had al-kifayah* dalam menentukan status asnaf fakir dan miskin adalah berbeza.

Bagi membincangkan perkara ini, penulisan ini hanya mengemukakan konsep *had al-kifayah* yang ditentukan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Dalam Manual Agihan Zakat, pengertian *had al-kifayah* ialah kadar asas keperluan diri dan tanggungan yang minimum yang menentukan tahap kelayakan penerima zakat dengan mengambil kira perbezaan tempat, masa, keperluan dan keadaan sosio-ekonomi.(JAWHAR, 2007)

Menurut Fatwa Pengurusan Agihan Zakat Selangor 2002 memberikan definisi *had al-kifayah* adalah agihan zakat kepada asnaf dan individu fakir miskin yang perlu menepati kepada keperluan asasi sebenar. Sejajar dengan itu, institusi zakat wajar mengaplikasikan kaedah ini agar penentuan fakir dan miskin menjadi lebih tepat serta bantuan zakat lebih terfokus diuruskan.

PENENTUAN *HAD AL-KIFAYAH* DALAM SKIM BANTUAN ZAKAT ASNAF FAKIR DAN MISKIN

Dalam memenuhi keperluan asas asnaf fakir dan miskin, agihan zakat merupakan komponen utama sebagai sistem keselamatan sosial Islam (Maøsum Billah,1996) Ini kerana melalui agihan zakat, ia dapat mengurangkan kemiskinan dan mempunyai potensi untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi. (Imtiazi, 1989)

M.A. Mannan (1989) melihat bahawa zakat boleh berperanan untuk meningkatkan taraf hidup, pendapatan dan seterusnya membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang agihan pendapatan melalui kesan pengganda dari zakat. Projek-projek yang dibiayai menggunakan dana zakat dalam bidang pendidikan, kesihatan, kebajikan sosial dan lain-lain akan meningkatkan produktiviti golongan miskin dengan memenuhi keperluan asas mereka. Pendapatan golongan miskin akan meningkat sebagai kesan dari peningkatan produktiviti. (Patmawati, 2009)

Mohd Parid Syeikh Ahmad (2001), pengagihan zakat perlu mencapai satu tahap kecukupan dan keselesaan kehidupan golongan penerima zakat serta keluarga yang Emie Sylviana Mohd Zahid. Pengagihan Skim Bantuan i

ditanggungnya. Bentuk bantuan yang diberi kepada penerima agihan zakat perlu mengambil kira keperluan jangka pendek dan jangka panjang. Bagi keperluan jangka pendek, bantuan penggunaan semasa untuk makanan dan sara hidup perlu diberikan. Disamping itu, perlu juga diberi bantuan untuk membolehkan asnaf fakir dan miskin untuk mempunyai sumber pendapatan di masa akan datang. Untuk itu, jumlah bantuan yang diberikan kepada mereka perlu dinilai semula. Untuk jangka pendek, bantuan yang diberikan hendaklah mampu memenuhi keperluan asas mereka untuk membolehkan mereka menumpukan perhatian untuk projek ekonomi jangka panjang. Apabila projek ekonomi mereka mengeluarkan hasil, maka bantuan jangka pendek tersebut sudah boleh dihentikan dan mereka tidak akan bergantung kepada zakat lagi, sebaliknya sudah boleh membayar zakat.

Oleh itu, *had al-kifayah* yang mempunyai peranan yang sama seperti Indeks Kemiskinan iaitu perlu mencapai kadar tertentu yang boleh menjamin kualiti hidup yang berterusan dengan menetapkan satu kadar yang melayakkan individu itu menerima bantuan zakat. Terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira dalam penentuan *had al-kifayah* tersebut (JAWHAR, 2007) iaitu:

- i) Tujuan Pensyariatan (*Maqasid Shariah*)
- ii) Keperluan Asas
- iii) Kategori
- iv) Lokasi
- v) Status Rumah
- vi) Kadar *Had al-Kifayah*

Namun demikian, penulisan ini lebih tertumpu kepada keperluan asas yang mengikut kepada tujuan pensyariatan dan kadar *had al-kifayah* dalam skim bantuan zakat yang diagihkan kepada asnaf fakir dan miskin.

Menurut al-Qaradawi (1980) membincarkan bahawa kemiskinan boleh mendatangkan bahaya dalam kehidupan Muslim dan masyarakat seluruhnya iaitu bahaya kepada aqidah, bahaya kepada etika dan moral, bahaya kepada akal fikiran manusia, bahaya kepada kesejahteraan rumah tangga dan bahaya kepada masyarakat dan negara seluruhnya.

Oleh itu, penentuan *had al-kifayah* dalam setiap pengagihan zakat adalah merujuk kepada tujuan pensyariatan (*Maqasid Shariah*) yang lima bagi menjamin kesejahteraan hidup yang berkualiti asnaf fakir dan miskin iaitu:

a. Memelihara Agama

Memelihara kesucian agama (*ad-din*) akan dapat memastikan setiap Muslim berpegang teguh kepada ajaran Islam dan tidak akan melakukan sesuatu yang bertentangan dengannya. Maka setiap tindakan dan usaha yang dilakukan termasuk dalam mencari rezeki dan memperbaiki taraf kehidupan akan mengikut lunas-lunas ajaran Islam.

b. Memelihara Akal

Memelihara kewarasan akal dan fikiran (*al-aql*) akan mendorong setiap individu menggunakan kelebihan akal yang ada untuk menimba pelbagai ilmu pengetahuan, kemahiran untuk menjamin kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat.

c. Memelihara Nyawa

Memelihara keselamatan nyawa (*al-nafs*) pula akan mendorong individu berusaha keras bagi memastikan mereka berupaya menjaga keselamatan diri dan keluarga. Maka sebarang tingkalaku mereka akan berteraskan kepada menjaga keharmonian dan tidak akan melakukan sesuatu tindakan yang akan mendatangkan bahaya atau merbahayakan nyawa sendiri dan pihak lain.

d. Memelihara Keturunan

Memelihara kehormatan diri dan maruah (*al-nash*) ialah mereka yang mampu menjaga batas-batas kehormatan diri, maruah dan nama baik keturunan secara tidak langsung akan dapat membantu membina masyarakat yang bermarauah disamping diri mereka sendiri akan lebih diterima dan dihormati. Meraka juga akan sentiasa berpegang kepada ajaran Islam dan tidak terdorong untuk melakukan sesuatu yang akhirnya merosakkan maruah diri dan keturunan.

e. Memelihara Harta Benda

Memelihara harta (*al-mal*) ini bermakna ajaran Islam tidak menghalang umatnya mengejar kekayaan asalkan harta yang diperolehi adalah dari kaedah dan sumber yang halal. Seseorang muslim mesti bijak menggunakan peluang yang ada untuk mencari rezeki dan seterusnya menjaga harta benda demi kesejahteraan diri dan keluarga.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kelima-lima prinsip dalam *maqasid shariah* ini adalah merupakan keperluan-keperluan yang perlu dipenuhi oleh setiap individu bagi memastikan mereka membentuk ahli masyarakat yang berpandukan kepada prinsip syariat Islam. Maka di sini terdapat kewajarnya bahawa dalam menentukan *had al-kiyafah*, ia perlu melihat kepada sesuatu bantuan seperti bantuan modal zakat dari segi keupayaannya mengubah taraf sosioekonomi hendaklah berdasarkan sejauhmana mereka berupaya memenuhi keperluan berdasarkan prinsip *Maqasid Shariah*.

Menurut pandangan al-Syatibi (1996) Allah mencipta syariat dengan tujuan untuk merealisasikan *maqasidnya* untuk sekalian manusia iaitu memberikan kebaikan (*maslahah*) kepada mereka dan mengelakkan kerosakan atau keburukan (*mafsadah*) daripada menimpa mereka. Menurutnya juga, segala apa yang disyariatkan tidak terlepas daripada *maqasid* ini yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu:

i. Kepentingan asas (*al-Dharuriyyat*)

Melibatkan pemeliharaan lima perkara iaitu agama, jiwa, akal keturunan dan harta. Kesemua kepentingan ini dapat dianggap sebagai keperluan asasi yang amat diperlukan oleh setiap manusia di dalam kehidupan bermasyarakat.

ii. Keperluan biasa (*al-Hajiyat*)

Melibatkan semua yang diperlukan oleh manusia untuk mewujudkan kemudahan dan kelapangan dalam menjalankan tugas dalam kehidupan. Ianya tidak sampai kepada tahap keperluan asasi tetapi ia perlu bagi mengelakkan kesusahan hidup di dalam masyarakat.

iii. Keperluan mewah (*al-Tahsiniyat*)

Melibatkan kemuliaan akhlak dan adat yang baik. Semuanya diperlukan bagi menjamin kelancaran hidup manusia dalam masyarakat.

Keperluan asas yang mengambil kira lima prinsip *maqasid shariah* ditetapkan dalam penentuan *had al-kifayah* juga mengambil kira perkara berikut:

Keperluan asas	Penerangan
Perlindungan	Perbelanjaan menyediakan perlindungan untuk seisi rumah termasuk sewa rumah, bil elektrik, bil air, bil telefon dan lain-lain yang berkaitan.
Makanan	Segala bahan makanan dan minuman yang dimakan oleh ahli rumah termasuk di luar rumah.
Pakaian	Segala bentuk pakaian yang digunakan oleh ahli rumah seperti pakaian sekolah, kerja dan lain-lain yang berkaitan.
Perubatan	Merujuk kepada segala bentuk perubatan yang diambil oleh ahli rumah seperti klinik desa, ubat kampung, hospital awam, hospital swasta dan lain-lain berkaitan.
Pendidikan	Segala kos yang berkaitan pendidikan ahli rumah seperti yuran sekolah, kolej, universiti, buku dan lain-lain berkaitan.
Pengangkutan	Segala kos berbayar ahli rumah seperti kos petrol, tambang dan lain-lain berkaitan.

Jadual 2: Keperluan Asas dalam penentuan *had al-kifayah*

Sumber: JAWHAR

Pengelasan sesebuah isi rumah bagi menentukan sama ada mereka fakir atau miskin adalah berbeza daripada sesebuah keluarga di antara satu keluarga yang lain. Ini bergantung kepada *had al-kifayah* dan bilangan isi rumah. Contoh: öPak Ali dan isterinya tinggal dirumah yang disewa di kawasan Ampang dan bekerja sebagai Pengawal Keselamatan dengan pendapatan sebanyak RM1,200.00 sebulan. Selain isterinya, Pak Ali juga menanggung lima orang anak. 2 orang belajar di sekolah menengah dan 2 orang lagi belum bersekolah manakala seorang lagi anak perempuan Pak Ali sedang menunggu keputusan peperiksaan SPM.ö

BIL	KATEGORI	KADAR HAD KIFAYAH	BILANGAN (ORANG)	JUMLAH (RM)
1.	Ketua Keluarga	680.00	1	680.00
2.	Dewasa Bekerja	420.00	tiada	-
3.	Dewasa Tidak Bekerja (18 thn ke atas)	240.00	2	480.00
4.	Anak Berumur 7-17 tahun	180.00	2	360.00
5.	Anak Berumur 1-6 tahun	130.00	2	260.00
TAMBAHAN				

1.	Tanggungan/Anak Cacat	200.00	tiada	-
2.	Penjagaan Anak	190.00	tiada	-
3.	Kos Perubatan Sakit Kronik	200.00	tiada	-
Jumlah Had Kifayah :				1780.00
Pendapatan Keluarga :				1200.00
Pendapatan - Had Kifayah :				-580.00

Pendapatan kurang sebanyak : **RM580.00** Status : **MISKIN**

Jadual 3: Had Al-Kifayah Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Jenis bantuan agihan yang diberikan kepada asnaf fakir dan miskin adalah seperti berikut:

FAKIR	MISKIN
ÉBantuan makanan bulanan	ÉBantuan makanan bulanan
ÉBantuan kewangan bulanan	ÉBantuan kewangan bulanan
ÉBantuan pengurusan Rumah Orang Tua	ÉBantuan perubatan
ÉBantuan pembinaan rumah individu/kelompok	ÉBantuan caruman takaful
ÉBantuan sewa rumah	ÉBantuan sambutan hari kebesaran Islam
ÉBantuan membaik pulih rumah	ÉBantuan pembinaan rumah individu/kelompok
ÉBantuan kecemasan/runcit	ÉBantuan aset tetap
ÉBantuan perubatan	ÉBantuan membaik pulih rumah
ÉBantuan yuran sekolah rendah/menengah/kolej/universiti	ÉBantuan sewa rumah
ÉBantuan keperluan pendidikan	ÉBantuan bengkel kemahiran
ÉBantuan kursus/latihan	ÉBantuan modal perniagaan
ÉBantuan pengurusan jenazah	ÉBantuan modal perikanan
ÉBantuan pakaian	ÉBantuan modal penternakan
ÉBantuan perkahwinan	ÉBantuan modal pertanian
ÉBantuan Hari Raya	ÉBantuan yuran sekolah rendah/menengah/kolej/universiti
ÉBantuan keusahawanan	ÉBantuan biasiswa pelajaran
ÉBantuan pengangkutan	ÉBantuan kursus/latihan
ÉBantuan peralatan atas	ÉBantuan pengurusan jenazah
ÉBantuan bagi siswazah yang sedang mencari pekerjaan	ÉBantuan kecemasan/runcit
ÉBantuan Khidmat Guaman	ÉBantuan pakaian
ÉBantuan menyelamatkan dari pemesongan akidah	ÉBantuan perkahwinan
	ÉBantuan pengangkutan
	Bantuan Hari Raya

Jadual 4: Bantuan Zakat Asnaf Fakir dan Miskin

Sumber: JAWHAR

Merujuk kepada penentuan yang dibuat oleh JAWHAR, jelaslah bahawa *had al-kifayah* yang dibuat perlu mengambil kira enam perkara penting sebagai keperluan asasi manusia iaitu perlindungan, pengangkutan, pendidikan, pakaian, makanan dan minuman serta

perubatan yang melihat kepada lima prinsip *maqasid shariah* iaitu memelihara agama, akal, nyawa, keturunan dan harta benda.

Sebagai tugas Majlis Agama Islam Negeri untuk menggunakan *had al-kifayah* dalam melaksanakan pengagihan bantuan zakat, kadar bantuan bagi setiap skim adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan pihak berkuasa agama Islam Negeri atau Jabatan Zakat Negeri. Individu yang berhak menerima zakat boleh menerima bantuan lebih dari satu skim sebagaimana skim bantuan yang diperkenalkan oleh JAWHAR dalam buku Manual Agihan Zakat. Ketetapan kadar *had al-kifayah* perlu dikaji semula setiap lima tahun untuk memastikan kadar yang diberikan mencukupi keperluan asas asnaf fakir dan miskin. Ini bertujuan untuk pengemaskinian senarai fakir dan miskin dibuat mengikut keperluan dan diselaraskan dengan agensi-agensi lain yang bertanggungjawab dalam program pembasmian kemiskinan jenis-jenis bantuan yang boleh diberikan kepada golongan asnaf selain daripada bantuan kewangan. Skim bantuan yang direncanakan adalah bagi memenuhi keperluan asasi asnaf dan melibatkan bentuk bantuan sepadan bagi pembangunan diri. Adalah diyakini skim bantuan ini mampu menjana kehidupan ummah ke arah yang lebih baik apabila para penerima agihan zakat yang merupakan entiti utama dalam memastikan keberkesanan program agihan zakat bertindak dengan jujur dan bertekad untuk memperbaiki diri. Mereka hendaklah berusaha memastikan kejayaan mereka keluar dari asnaf zakat dan menjadi pembayar zakat.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, jelaslah bahawa skim bantuan zakat dalam program yang diwujudkan oleh Lzs memang terdapat konsep *had al-kifayah* yang mengikut kepada *Maqasid Shariah* bagi memenuhi keperluan asas manusia (*Dharuriyyat*) dan mempunyai peningkatan. Namun demikian, jumlah bantuan yang optima perlu ada bagi menampung jurang *had al-kifayah* isirumah penerima agihan, jangkamasa terimaan tidak dihadkan, perlu ada penyelarasian antara jumlah bantuan yang diberi mengikut setiap keperluan asas dalam program yang dibentuk serta pemantaun perlu dijalankan. Ini bertujuan supaya dasar agihan kepada fakir dan miskin bukan semata-mata melepaskan batuk di tangga dan hanya dilakukan secara bermusim. Agihan zakat bukan hanya agihan dalam kuantiti atau jumlah kecil yang hanya setakat dapat melepaskan barang-barang dapur sahaja. Sebaliknya membina dan memelihara martabat manusia dengan sifat ihsan dan keadilan. Oleh sebab itu, bahagian agihan perlu sering membuat semakan dan kajian terkini tentang kadar dan keperluan masyarakat setempat supaya agihan zakat akan mencapai kualiti yang optimum.

RUJUKAN

- Abu Ubayd. (1975). *al-Amwal*. Kaherah: Dar al-Fikr.
Abdul Aziz Bin Muhammad. (1993). *Zakat and Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
Al-Kanidahlawi. (t.t). *Awjaz al-Masalik*. (jld. 6). Beirut: Dar al-Fikr.
Al-Dusuqi. (t.t). *Hasyiah*. (jld. 1.) Kaherah: al-Halabi.
Al-Ghazali. (t.t). *Ihya' 'Ulumuddin*. (jld. 1) Kaherah: Matba'ah al-Masyhad al-Husaini.
_____. (1994). *Al-Munjid*. (cet.1). Beirut: Dar al-Masyarik.
Al-Nawawi. (1983). *Sahih Muslim*. (jld. 4). Beirut: Dar al-Fikr.
Al-Qaradawi, Yusof .(2007). *Hukum Zakah*. Salman Harun, Didin Hafidhuddin & Hasanuddin, (terj.) Bogor: Pustaka Litera AntarNusa

- Al-Qaradawi, Yusof. (1980). *Problema Kemiskinan: Apa Konsep Islam*, Umar fanany (terj.) Surabaya, Indonesia: P.T Bina Ilmu.
- Al-Ramli. (t.t). *Nihayah al-Muhtaj*.(jld. 6) Kaherah: Isa al-Halabi.
- Al-Shafī’ī. (t.t). *al-Umm*. (jld. 2).
- Al-Syatibi. (1996). *al-Muwafaqat fi Usul al-syariah*.(jld. 2). Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Al-Zuhaily, wahbah.(1997).*Nazariyah al-Dharurah al-Syariah*. Beirut: Dar al-fikr.
- Al-Zuhaily, wahbah. (t.t). *Usul al-Fiqh*. (jld. 2).
- Azman Haji Mohd Nawi, Jaidi Sahar & Dalia Ismail.(2006)*Kenapa Ada Fakir Miskin Tercicir*.Milenia Muslim.
- Hailani Muji Tahir. (2009). Konsep Agihan Zakat Dan Aplikasi Semasa. Dalam Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. (Vol.3) Putrajaya: JAWHAR.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor.(2004).Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf fakir & Miskin. Proceedings National Seminar in Islamic Banking and Finance (iBAF)2004. Petaling Jaya: Intel Multimedia & Publication. hlm 197-206.
- Hasanah Abd Khafidz. (2006). *Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa dan Setempat Dalam Menentukan Pentafsirannya di Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. hlm 135-136.
- Ibn al-Humam. (1970). *Fath al-Qadir*. Kaherah: al-Halabi.
- Ibn Qudamah.(t.t). *al-Mughni*. (jld. 2).
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. (2007). *Manual Agihan Zakat*. (cet. 1). Jabatan Wakaf Zakat dan Haji: Jabatan Perdana Menteri.
- Mohd Parid Hj Sheikh Ahmad. (2001). Kaedah pengagihan Zakat: Satu Perspektif Islam. Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Mohd. Parid Haji Shaikh Ahmad. (2000). *Garis Panduan Agama Dalam Pengagihan Dana Zakat*. Dalam Seminar Kebangsaan öKaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islamö.
- Mohd Zulkifli Ab.Ghani.(2003), *Pengagihan Zakat Mengikut Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelatan 1994: Kajian Terhadap Asnaf Fi Sabilillah*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohamed Dahan Bin Haji Abdul Latiff. (2001). *Pendekatan Kepada Cara Pengagihan Dana Zakat Yang Dinamik Sesuai Dengan Suasana Semasa*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Muhammad Syukri Salleh. (2006). Lokalisasi Zakat: Satu Cadangan Teoritis. (cet.1). (penyt.) Abdul Ghafar Ismail, Hailani Muji Tahir. *Zakat Pensyariatan Perekonomian dan Perundangan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mujaini Tarimin. (2006). *Zakat: Menuju Pengurusan Profesional*. (cet. 2). Kuala Lumpur: Utusan Publicatuion & Distribution Sdn Bhd.
- Muhammad Nashiruddin al-Albani. (1998). *Sahih Sunan Abu Daud*. (cet.1). (terj.) Tajuddin Arief, Abdul Syukur Razak & Ahmad Rafa'i Utsman. Islam Rahmatan: Pustaka Azzam.
- Nik Mustapha Haji Nik Hassan. (2000). *Semangat Pengagihan Zakat Ke Arah Pembangunan Ekonomi*. Seminar Kebangsaan öKaedah Pengagihan Dana Zakat : Satu Perspektif Islamö
- Patmawati Bte Haji Ibrahim. (2007). *Peranan Agihan Zakat Dalam Meningkatkan Tahap Ekonomi Ummah*, PWTC: Konvensyen Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 2007.
- Patmawati Bte Haji Ibrahim. (2009). Tahap Ekonomi Ummah. Dalam Abd. Halim Mohd Noor, Arifin Md Sallaeh, Rawi Nordin, Mastura Muhamad Said & Siti Nor Hidayah Taib (penyt.) *Pengintegrasian Zakat & Cukai di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM

- Surtahman Kastin Hasan. (2001). *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Warta Kerajaan Negeri Selangor 1991-1997. *Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 Fatwa Tentang Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor*. Jabatan Mufti Negeri Selangor, 29 Ogos 1994.
(http://www.e-zakat.com.my/baru/agihan/had_kifayah.asp) 20 Mei 2009.
- Zakiyah Jamaluddin. (2005). Kemiskinan dan Program Pembangunan Masyarakat. Dalam Che Su Mustaffa, Wan Abdul Rahman Khudzri Wan Abdullah & Mohamad Sukeri Khalid (pnyt.) *Pembangunan: Implikasi Sosial dan Fizikal*. (cet 1). Universiti Utara Malaysia: Jabatan Penerbitan dan Teknologi Media.

icops2010